

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 21 July 2015 |

Najib tekad pertahan perpaduan

BH - 21/7/2015

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak menegaskan beliau tidak akan membenarkan mana-mana pihak untuk cuba menggugat perpaduan kaum di negara ini.

Perdana Menteri menerusi status Facebook dan Twitter beliau semalam, berkata, ikatan antara penduduk Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik sudah lama terbentuk.

"Selama ini, kita sudah bersama-sama menempuh berbagai dugaan dan cabaran sejak mencapai kemerdekaan.

"Tiada sesiapa boleh mem-

cah-belahkan perpaduan antara kaum di Malaysia yang sudah lama terjalin. Kita semua 1Malaysiaakatanya.

Kejadian di Plaza Low Yat

Pada 13 Julai lalu, berlaku pergaduhan antara dua pihak di Plaza Low Yat di sini, yang diuarku-arku dalam media sosial sebagai rusuhan antara kaum Melayu dan Cina.

Bagaimanapun ia disangkal Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar yang menyifatkan ia adalah kes kecurian yang disalah tafsir sebagai



pertelingkahan kaum akibat penyebaran maklumat tidak tepat menerusi media sosial dan blog.

Susulan pergaduhan itu, 25

individu yang dikenal pasti mengeluarkan kenyataan berbau hasutan, selain terbabit dengan pergaduhan itu ditahan polis.